

Bekas Pengerusi Hamas temui Dr Mahathir

Putrajaya: Bekas Pengerusi Pergerakan Hamas, Khalid Meshaal, semalam menemui Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bagi berbincang mengenai perjuangan dan keadaan semasa di Palestin.

Perbincangan antara delegasi lapan anggota Hamas yang diketuai Khalid dan Dr Mahathir, berlangsung selama kira-kira sejam.

Khalid yang ditemui wartawan selepas pertemuan itu berkata, Hamas mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas layanan mesra yang diberikan terhadap kehadiran mereka, serta penghargaan terhadap sokongan berterusan beliau kepada perjuangan Palestin bagi menamatkan pendudukan Israel di negara itu.

“Keganasan Israel di Baitulmaqdis dan tindakan mereka mengubah identiti bandar suci Baitulmaqdis membawa kesengsaraan kepada penduduk Gaza yang terpaksa berhadapan dengan serangan, kebuluran, sekatan dan sebagainya,” katanya.

Khalid berkata, Hamas turut menyampaikan harapan mereka agar Dr Mahathir sebagai pemimpin kanan umat Islam, memainkan peranan menamatkan keganasan terhadap penduduk Palestin, terutama di Semenanjung Gaza.

Selesaikan isu Palestin dengan adil

“Kami juga berbincang mengenai tawaran *deal of the century* dikemukakan Amerika Syarikat, bagi menamatkan perjuangan Palestin dan usaha mereka menyelesaikan isu di Palestin dengan cara tidak adil,” katanya.

Khalid berkata, bahagian ekonomi dalam tawaran itu yang akan diumumkan di Bahrain bulan depan, disasar untuk mengalih perhatian orang ramai daripada perjuangan sebenar Palestin.

Katanya, perjumpaan itu juga memberikan peluang terbaik untuk memberitahu rakyat Malaysia melalui media tempatan, bahawa rakyat Palestin tegas dan menentang pendudukan, serta pendirian mereka yang kukuh mengenai tanah air mereka.

“Kami mengharapkan sokongan daripada rakan, pemimpin umat Islam dan seluruh dunia dalam usaha mendapatkan kembali hak kami dan menolak pendudukan Israel,” katanya.

BERNAMA